



## SIARAN MEDIA

### NOTIS SENARAI NILAIAN BAHARU: MPS LANJUT TEMPOH BANTAHAN SEHINGGA 31 MEI 2024

MPS ingin memaklumkan tentang kelewatan Notis Menyemak Senarai Nilai Baru yang diterima, MPS mengambil maklum perkara ini dan telah memanjang tempoh bantahan sehingga 31 Mei 2024. Pemilik harta boleh membuat bantahan dengan mengimbas Kod QR yang disertakan di Notis Menyemak Senarai Nilai Baru atau memuat turun borang bantahan dari laman web rasmi MPS di alamat url <https://www.mps.gov.my> dan di hantar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta melalui emel [bantahancukai@mps.gov.my](mailto:bantahancukai@mps.gov.my)

Untuk makluman Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengeluarkan notis senarai nilai baru kepada semua pemilik pegangan dalam kawasan MPS pada 1 April 2024 melibatkan 230,000 pegangan di bawah MPS. Notis ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Notis tersebut juga memaklumkan semakan semula nilai cukai taksiran premis/pegangan. Semakan semula ini adalah berdasarkan nilai semasa menggunakan kadar sewa terkini. Ketika ini nilai dibuat adalah berdasarkan nilai yang dibuat pada tahun 1992

Pihak majlis ingin memaklumkan bahawa senarai nilai baru ini masih diperingkat menyemak senarai nilai baru dan mengemukakan bantahan. Proses penilaian ini masih berjalan dan tertakluk kepada kelulusan dari Kerajaan Negeri Selangor.

**#TAMAT#**



**Dikeluarkan Oleh:**

Mohamad Zin Bin Masoad, A.M.S.

Pengarah

Jabatan Korporat

B.P.

Yang Dipertua

Majlis Perbandaran Selayang

**Tarikh Dikeluarkan : 9 Mei 2024**